

16 JUL 1998

Megat-Ekspo

PENIAGA EKSPLO DIMINTA JANGAN JUAL BARANGAN CETAK ROMPAK

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini memberi amaran kepada peniaga yang menyertai ekspo mempromosi barangan buatan Malaysia supaya tidak mengambil kesempatan menjual barangan cetak rompak.

Menterinya Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob berkata kementerian sedar ada segelintir peniaga yang melakukan perbuatan salah itu semasa menyertai ekspo dengan anggapan kementerian tidak akan bertindak terhadap mereka.

"Saya telah mengarahkan pegawai penguatkuasa kementerian untuk mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa ke kawasan ekspo berkenaan," katanya semasa menghadiri persidangan berita Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Penulis Lagu Tanahair (Papita), di sini.

Beliau berkata tindakan peniaga yang mencemarkan ekspo dengan perbuatan menyalahi undang-undang itu tidak boleh diterima kementerian.

Megat Junid berkata kementerianya menggalakkan pelbagai pihak termasuk persatuan artis untuk menganjurkan ekspo yang bertujuan menarik minat orang ramai membeli barangan buatan Malaysia.

Ekspo yang dianjurkan itu tidak seharusnya tertumpu di Lembah Klang sahaja, sebaliknya perlulah diperkembangkan ke seluruh negara, katanya.

Sementara itu Megat Junid berkata Papita dan Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan satu ekspo mempromosi barangan buatan Malaysia -- Ekspo Papita/MPSJ '98 -- di Subang Jaya pada 13 Ogos.

Menurut beliau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan ekspo itu yang akan berlangsung selama tiga minggu bermula 11 Ogos.

-- BERNAMA

NY NMO